

# UJIAN HALT-IT

## MAKLUMAT RINGKAS TENTANG

### PENYELIDIKAN INI



### Asid tranesamik untuk rawatan perdarahan gastrousus: ujian terkawal plasebo rabun dua pihak, dirawakkan antarabangsa

Anda (pesakit) sedang mengalami pendarahan daripada usus yang perlu dihentikan dengan segera. Semua rawatan biasa bagi pendarahan yang kami jalankan di hospital ini akan diberikan. Di samping ini, kami menjemput anda untuk menyertai dalam suatu kajian. Kajian ini akan melihat jika rawatan yang dipanggil asid tranesamik akan mengurangkan pendarahan usus. Kami berharap bahawa rawatan ini akan membawa kepada proses pemulihan yang lebih baik. Kami tahu bahawa rawatan ini membantu orang dengan jenis pendarahan yang lain, namun, kami belum tahu jika ia berkesan untuk pendarahan usus.

Di dalam kajian ini, setengah daripada pesakit akan menerima rawatan kajian (asid tranesamik) dan yang setengah lagi akan menerima rawatan semu (plasebo). Jika anda mengambil bahagian di dalam kajian ini, anda (pesakit) akan menerima rawatan kajian atau plasebo serta-merta. Ia akan diberikan kepada anda melalui titisan selama 24 jam. Kami juga akan perlu mengumpul sedikit maklumat tentang keadaan perubatan anda (pesakit) dan menghantarkannya ke pejabat pusat di London.

Jika anda ingin tahu lebih lanjut tentang kajian kami sekarang, kami akan memberitahu anda tentangnya. Jika tidak, kami akan memberitahu anda lagi mengenainya kemudian. Adakah anda bersetuju untuk membenarkan kami memulakan rawatan kajian?

*[Maklumat ini boleh disampaikan secara lisan dan tidak perlu dibacakan kata demi kata. Ia boleh diubahsuai mengikut situasi dan diberikan hanya sebagai panduan..]*